

Anuar 'geram' gagal jadi Raja Pecut

RAJA Pecut 2010, Anuar Manan terpaksa akur dengan kegagalan merealisasikan impiannya pada LTdL 2011.

Pelumba pasukan Terengganu Cycling Team (TSG) itu juga bersedih selepas dia gagal mempertahankan gelaran Raja Pecut (Jersi Biru) dan memenangi satu peringkat seperti mana yang dilakukannya tahun lalu.

Pada edisi ke-16 perlumbaan berstatus Hors tahun ini, Anuar sekadar menduduki tempat kedua dalam perebutan Jersi Biru selepas ketinggalan 16 mata di belakang pencabar terdekat, Andrea Guardini dari pasukan Farnese Vini-Neri Sottoli.

Manakala pencapaian terbaik pelumba kelahiran Kuala Ibai, Terengganu itu adalah di tempat kedua pada saingan peringkat ketiga dan keenam.

Semalam, Anuar sekali lagi menaiki podium selepas



ANUAR (kanan) gagal mempertahankan gelaran Raja Pecut yang diraihinya pada LTdL 2010.

menamatkan perlumbaan di tempat ketiga di belakang Guardini dan pemenang peringkat kelapan, Robert Forster dari pasukan United Healthcare Pro Cycling.

"Secara peribadinya, saya tidak puas hati kerana gagal

mempertahankan Jersi Biru dan memenangi satu peringkat seperti mana yang saya lakukan tahun lalu.

"Saya telah melakukan yang terbaik dari peringkat pertama sehingga hari ini (semalam).

"Kejayaan menamatkan perlumbaan di tempat ketiga dan menaiki podium pada hari terakhir hari ini (semalam) sedikit sebanyak telah mengubat kekecewaan itu.

"Tetapi dari segi pasukan saya berpuas hati kerana kami mampu mempamerkan kayuhan yang bertenaga meskipun pasukan ini dibarisi ramai pelumba muda dan baru enam bulan ditubuhkan.

"Saya juga terkejut apabila melihat mereka mampu memberi cabaran yang sengit, sekali gus bersaing hebat dengan pelumba-pelumba terbaik yang lain terutamanya dari Asia dan Eropah.

"Jadi, ini adalah satu pencapaian yang terbaik buat pasukan kami yang baru ditubuhkan tahun ini," katanya selepas menamatkan perlumbaan peringkat ke-10 dari UiTM Shah Alam ke Dataran Merdeka sejauh 104.8 kilometer semalam.